SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA

SOALAN-SOALAN LAZIM

INISIATIF PENGURANGAN KOMPAUN SEBANYAK 95% DARIPADA NILAI ASAL KOMPAUN UNTUK KESALAHAN LAZIM BAGI PERMOHONAN PEMOTONGAN NAMA SYARIKAT YANG LAYAK DI BAWAH SEKSYEN 550 AKTA SYARIKAT 2016

<table>
<tr><th></th><th>SOALAN</th><th>JAWAPAN</th></tr>
<tr><td>1.</td><td>Bilakah tarikh berkuat kuasa inisiatif pengurangan kompaun ini?</td><td>Inisiatif pengurangan kompaun ini berkuat kuasa 16 April 2025 sehingga 30 September 2025.</td></tr>
<tr><td>2.</td><td>Apakah jenis kesalahan yang layak mendapat pengurangan kompaun di bawah inisiatif pengurangan kompaun ini?</td><td>Jenis kesalahan yang layak mendapat inisiatif pengurangan kompaun adalah kesalahan lazim di bawah Akta Syarikat (AS) 1965/2016 seperti berikut:
<table>
<tr><th>Bil</th><th>Seksyen Kesalahan</th><th>Keterangan Kesalahan</th></tr>
<tr><td>1</td><td>143(1) AS 1965</td><td>Gagal mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan</td></tr>
<tr><td>2</td><td>165(4) AS 1965</td><td>Gagal menyerahsimpan Penyata Tahunan</td></tr>
<tr><td>3</td><td>169(1) AS 1965</td><td>Gagal membentangkan Penyata Kewangan di dalam Mesyuarat Agung Tahunan</td></tr>
<tr><td>4</td><td>68(1) AS 2016</td><td>Gagal menyerahsimpan Penyata Tahunan</td></tr>
</table></td></tr>
</table>

	SOALAN	JAWAPAN
		<table><tr><td>5</td><td>248(1) AS 2016</td><td>Gagal menyediakan Penyata Kewangan</td></tr><tr><td>6</td><td>258(1) AS 2016</td><td>Gagal mengedarkan Penyata Kewangan</td></tr><tr><td>7</td><td>259(1) AS 2016</td><td>Gagal menyerahsimpan Penyata Kewangan</td></tr><tr><td>8</td><td>340(1) AS 2016</td><td>Gagal mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan (bagi syarikat awam)</td></tr></table>
3.	Apakah **tujuan** inisiatif ini diadakan?	Tujuan pelaksanaan inisiatif ini adalah untuk meringankan beban komuniti korporat melalui pemberian pengurangan kompaun maksimum, mengurangkan kos menjalankan perniagaan serta membantu ke arah pemulihan ekonomi negara.
4.	Apakah syarat yang melayakkan pihak syarikat menikmati **pengurangan kompaun sebanyak 95%?**	Pengurangan kompaun sebanyak 95% hanya terpakai kepada **seksyen kesalahan lazim** di bawah AS 1965/2016 dan syarikat telah membuat **permohonan pemotongan nama syarikat** di bawah Seksyen 550 AS 2016.
5.	Apakah jenis kesalahan yang **tidak layak** mendapat pengurangan kompaun di bawah inisiatif ini?	Kesalahan yang **TIDAK LAYAK** mendapat pengurangan kompaun di bawah inisiatif ini adalah melibatkan:

	SOALAN	JAWAPAN
		i. Kompaun bagi **penyelesaian Luar Mahkamah** atau Kertas Siasatan yang dikeluarkan oleh Bahagian Pendakwaan & Litigasi serta Pejabat Negeri / Cawangan; ii. Kompaun yang dianggap oleh Timbalan Pendakwa Raya (TPR) SSM sebagai **kesalahan tadbir urus korporat yang serius**; iii. Kompaun bagi seksyen kesalahan **selain** daripada senarai kesalahan yang dinyatakan pada soalan 2 di atas.
6.	Siapakah yang boleh membuat **permohonan pengurangan kompaun** semasa pelaksanaan inisiatif ini?	Permohonan boleh dibuat oleh pengarah, setiausaha syarikat atau wakil syarikat.
7.	Bagaimanakah cara pihak syarikat boleh **memohon rayuan pengurangan kompaun** semasa pelaksanaan insiatif ini?	Pengurangan kompaun boleh dimohon dengan: (i) Hadir ke Kaunter Penguatkuasaan di Tingkat 26 Menara SSM@Sentral, atau mana-mana Kaunter Penguatkuasaan Pejabat Negeri dan Cawangan SSM **kecuali** di

	SOALAN	JAWAPAN
		Kaunter UTC dan Kaunter Perkhidmatan Pendaftaran Perniagaan (Putrajaya); dan (ii) Menghantar permohonan melalui e-mel rasmi SSM di enquiry@ssm.com.my.
8.	Adakah **surat rayuan** diperlukan semasa membuat permohonan pengurangan kompaun bagi pelaksanaan inisiatif ini?	Ya. Surat rayuan diperlukan semasa membuat permohonan pengurangan kompaun sama ada di kaunter penguatkuasaan atau melalui e-mel. Surat tersebut perlu menyatakan nama syarikat dan nombor pendaftaran syarikat, atau nama pengarah dan nombor kad pengenalan/pasport pengarah.
9.	Di manakah **pembayaran kompaun** yang telah diberi pengurangan boleh dilakukan?	Pembayaran boleh dilakukan di-mana-mana pejabat SSM yang berhampiran di seluruh Malaysia atau melalui pembayaran secara dalam talian melalui EzBiz Online https://ezbiz.ssm.com.my Pembayaran melalui EzBiz Online hanya boleh dilakukan oleh individu yang telah berdaftar sebagai pengguna EzBiz.
10.	Bagaimanakah komuniti korporat boleh menyemak status kompaun?	Syarikat boleh membuat semakan status kompaun melalui saluran berikut: (i) Melalui e-mel: Hantar permohonan melalui emel rasmi SSM di enquiry@ssm.com.my;

	SOALAN	JAWAPAN
		(ii) Semakan secara dalam talian melalui laman rasmi SSM, e-kompaun (https://www.ssm.com.my/Pages/e-Compound.aspx) (iii) Melalui EzBiz Online (https://ezbiz.ssm.com.my) (iv) Secara fizikal di kaunter: Hadir ke kaunter Penguatkuasaan di Tingkat 26, Menara SSM@Sentral, atau mana-mana kaunter Penguatkuasaan Pejabat Negeri dan Cawangan SSM **kecuali** di kaunter UTC dan kaunter Perkhidmatan Pendaftaran Perniagaan (Putrajaya).
11.	Apakah **kaedah bayaran kompaun** yang diterima oleh SSM?	Bayaran kompaun boleh dibuat melalui kaedah berikut: • Secara tunai; • Menggunakan cek Syarikat Pengurusan; • Bank draf; • Kad debit/kredit; atau • Secara online melalui EzBiz Online (https://ezbiz.ssm.com.my).
12.	Adakah **cek persendirian diterima oleh SSM** untuk pembayaran kompaun?	Tidak. Hanya cek yang dikeluarkan oleh Syarikat Pengurusan sahaja yang diterima.

	SOALAN	JAWAPAN
13.	Bolehkah semua kompaun dibayar menggunakan satu cek Syarikat Pengurusan atau satu bank deraf sahaja?	Pembayaran kompaun boleh dibuat menggunakan satu cek Syarikat Pengurusan atau satu bank deraf sahaja, tetapi hanyaterhad kepada maksimum lima (5) notis kompaun sahaja.
14.	Bolehkah bayaran kompaun dilakukan secara **ansuran**?	Tidak.
15.	Adakah amaun pengurangan **dikekalkan** selepas tamat tempoh inisiatif?	Tidak. Amaun kompaun akan kembali kepada jumlah asal selepas tamat tempoh inisiatif.
16.	Apakah yang akan berlaku sekiranya kompaun yang telah diberi pengurangan tidak dibayar dalam tempoh yang ditetapkan?	Sekiranya bayaran tidak dibuat dalam tempoh yang ditetapkan, amaun kompaun akan kembali kepada jumlah asal dan tindakan penguatkuasaan akan diambil.

Soalan-Soalan Lazim
Inisiatif Moratorium Permohonan Pemotongan Nama Syarikat di bawah Seksyen 550 Akta Syarikat 2016

NO.	SOALAN	JAWAPAN
1	**Bagaimana permohonan pemotongan nama boleh dibuat dan adakah sebarang yuran permohonan dikenakan?**	Permohonan boleh dibuat dengan mengisi borang yang dimuat turun dari portal rasmi SSM di pautan www.ssm.com.my. Setiap permohonan akan dikenakan fi sebanyak RM100.
2	**Apakah kaedah bayaran yang diterima?**	Bayaran boleh dibuat secara tunai, bank deraf, kiriman wang, wang pos, kad kredit atau kad debit jika permohonan dibuat melalui kaunter.
3	**Siapakah yang layak memohon?**	Pemohon mesti terdiri daripada pengarah dan/atau pemegang saham syarikat.
4	**Adakah SSM mempertimbangkan permohonan pemotongan nama daripada anak syarikat?**	Ya, anak syarikat boleh mengemukakan permohonan pemotongan nama syarikat dengan memenuhi syarat-syarat berikut: 1. Bagi anak syarikat milik penuh, syarikat induk perlu mengemukakan surat kebenaran pemotongan nama untuk anak syarikat. Surat kebenaran ini perlu ditandatangani oleh pengarah syarikat induk dan menggunakan kepala surat syarikat induk. 2. Bagi anak syarikat milik bersama, setiap pemegang saham perlu mengemukakan surat kebenaran pemotongan nama untuk anak syarikat. Surat kebenaran ini perlu ditandatangani oleh semua pemegang saham syarikat. Sekiranya pemegang saham adalah syarikat, surat kebenaran perlu dikemukakan dengan menggunakan kepala surat syarikat. 3. Syarikat induk dan anak syarikat mesti membuat pengisytiharan bahawa ianya tidak terlibat dalam mana-mana siasatan samada di dalam atau di luar Malaysia.
5	**Adakah syarikat pemaju perumahan layak untuk permohonan pemotongan nama?**	Tidak. Syarikat pemaju perumahan tidak layak untuk memohon pemotongan nama semasa tempoh moratorium ini. Adalah lebih wajar bagi syarikat pemaju perumahan untuk menggunakan proses penggulungan syarikat sekiranya ingin memberhentikan perniagaan bagi memastikan semua

NO.	SOALAN	JAWAPAN
		aset dan liabiliti syarikat boleh diurus sepenuhnya oleh pelikudasi yang dilantik.
6	**Bagaimanakah cara untuk menyemak status terkini permohonan sama ada diluluskan atau masih di dalam proses?**	Pemohon boleh menyemak status permohonan melalui laman web SSM di http://www.ssm.com.my/en/status-strikeoff308
7	**Di manakah Borang permohonan boleh diperolehi?**	Borang 550 boleh didapati melalui laman web www.ssm.com.my Langkah 1: Sila layari laman sesawang SSM www.ssm.com.my Langkah 2: Sila pilih – Kerangka Undang-Undang – Akta Syarikat 2016 Langkah 3: Sila pilih – *Guidelines For The Application To Strike Off The Name Of Companies Under Section 550 Of The Companies Act 2016 During The Moratorium Period* (16 April – 30 September 2025)
8	**Perlukah Borang 550 ditaip?**	Borang 550 yang dikemukakan boleh ditaip atau menggunakan cetakan komputer.
9	**Berapa lamakah tempoh moratorium yang ditawarkan?**	Tempoh moratorium bermula dari 16 April 2025 hingga 30 September 2025 bagi syarikat-syarikat dorman.
10	**Apakah kelonggaran yang di berikan dalam tempoh moratorium?**	Pemohon tidak perlu mengemukakan resolusi pemegang saham kepada Pendaftar Syarikat semasa permohonan dibuat dalam tempoh moratorium. Walau bagaimanapun pemohon dinasihatkan untuk memastikan semua pemegang saham syarikat telah bersetuju untuk membuat permohonan pemotongan nama tersebut.
11	**Adakah SSM menawarkan insentif kompaun dalam tempoh moratorium ini?**	Ya. Pengurangan kompaun maksimum sebanyak **95%** daripada nilai asal kompaun akan diberikan kepada syarikat dan pengarah syarkat.